

A. PENGENALAN AHLI PANEL PENILAI TVET (APV)

1. Penubuhan Jawatankuasa Teknikal Bersama (Joint Technical Committee, JTC) Jaminan Kualiti Tunggal TVET yang bertanggungjawab menyelaras dasar dan proses jaminan kualiti program TVET.
2. Pemakaian dokumen Kod Amalan Akreditasi Program TVET (*Code of Practice for TVET Programme Accreditation*, (COPTPA)) dalam pelaksanakan jaminan kualiti program-program TVET oleh MQA dan JPK.
3. Ahli Panel Penilai TVET (APV) maksudnya seseorang pakar dalam disiplin atau bidang berdasarkan kepada kelayakan akademik, kemahiran, pengiktirafan yang diterima atau pengalaman berkaitan.


B. SYARAT LANTIKAN

1. Syarat perakuan sebagai **Ahli Panel Penilai TVET (APV JPK)** adalah seperti berikut ;
 - a. Warganegara Malaysia; **DAN**
 - b. Memiliki pengalaman kerja berkaitan bidang sekurang-kurangnya 10 tahun; **DAN**
 - c. Memiliki sekurang-kurangnya SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan; **DAN**
 - d. Lulus Kursus Induksi PP-PPD-PPB; **DAN**
 - e. Hadir Kursus Induksi SLDN; **DAN**
 - f. Hadir Kursus COPTPA
2. Syarat perakuan sebagai **Ahli Panel Penilai TVET (APV JPK-MQA)** adalah seperti berikut ;
 - a. Warganegara Malaysia; **DAN**
 - b. Memiliki pengalaman kerja berkaitan bidang sekurang-kurangnya 10 tahun; **DAN**
 - c. Memiliki sekurang-kurangnya SKM Tahap 3 dalam bidang berkaitan; **DAN**
 - d. Memiliki sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan; **DAN**
 - e. Lulus Kursus Induksi PP-PPD-PPB; **DAN**
 - f. Hadir Kursus Induksi SLDN; **DAN**
 - g. Hadir Kursus COPTPA; **DAN**
 - h. Hadir Kursus COPPA & OBE (Penawaran kursus oleh MQA)

C. PERMOHONAN KURSUS COPTPA

1. Permohonan Kursus Code of Practice for TVET Programme Accrediation (COPTPA) dibuat secara atas talian (online) melalui <https://www.myspike.my>

Permohonan Kursus Code of Practice for TVET Programme Accreditation (COPTPA)



2. Permohonan boleh dibuat bagi siri kursus yang dipaparkan sahaja. Penawaran kursus COPTPA akan dibuat mengikut keperluan Jabatan.


D. PELANTIKAN DAN PEMBAHARUAN

1. Pelantikan Ahli Panel Penilai TVET (APV) tertakluk kepada perakuan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama (*Joint Technical Committee*, JTC) Jaminan Kualiti Tunggal TVET yang dipengerusikan bersama oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran dan Ketua Pegawai Eksekutif MQA.
2. Tempoh lantikan bagi Ahli Panel Penilai TVET (APV) adalah selama enam (6) tahun bermula dari tarikh kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama (*Joint Technical Committee*, JTC) Jaminan Kualiti Tunggal TVET.
3. Tempoh pembaharuan bagi Ahli Panel Penilai TVET (APV) adalah selama enam (6) tahun bermula dari tarikh kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama (*Joint Technical Committee*, JTC) Jaminan Kualiti Tunggal TVET.

E. PERMOHONAN JAWATAN AHLI PANEL PENILAI TVET (APV)

1. Permohonan jawatan Ahli Panel Penilai TVET (APV) dibuat secara atas talian (online) melalui <https://www.myspike.my>
2. Permohonan jawatan Ahli Panel Penilai TVET (APV) hanya dibuka bagi pemohon yang telah lulus Kursus Induksi PP-PPD-PPB, hadir Kursus Induksi SLDN dan hadir Kursus COPTPA.

LANGKAH A : Pengguna → Personel SPKM → Permohonan Baru



LANGKAH B : Lengkapkan Permohonan Ahli Panel Penilai TVET (APV)

Permohonan Personel SPKM

Permohonan Baru

PERHATIAN:

- i. Jenis Permohonan **Personel Baru**: Belum pernah diperakui sebagai APV
- ii. Jenis Perjawatan **Pembaharuan**: mohon perakuan sebagai APV yang akan tamat tempoh

Jenis Permohonan ***Permohonan APV hanya dibuka bagi pemohon yang telah Lulus Kursus Induksi PP-PPD-PPB, Hadir Kursus Induksi SLDN dan Hadir Kursus COPTPA sahaja**

Pusat Bertauliah [Kod PB] **Pilih kod PB tempat bertugas atau pilih kod [K00000] jika belum ada kod PB**

Nama Program [Kod Program] **Pilih Kod Program yang ingin dimohon**

Lampiran Sokongan - Sila Masukkan URL Simpanan Awan Seperti Google Drive, AWS Dan OneDrive **Lampirkan dokumen sokongan seperti Kad Pengenalan, Pengesahan Pengalaman, sijil induksi, SKM/DKM/DLKM, kelayakan akademik lain dan borang kebenaran menjalankan tugas . Pastikan akses URL berstatus **Anyone with the link** dan **Viewer****

***Peringatan :**

1. Permohonan APV tidak perlu dimohon lebih dari satu program kerana tidak disyaratkan untuk diperakui mengikut NOSS
2. Perakuan sebagai APV adalah tertakluk kepada kelulusan dari Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Bersama (Joint Technical Committee, JTC) Jaminan Kualiti Tunggal TVET yang dipengerusikan bersama oleh Ketua Pengarah Pembangunan Kemahiran dan Ketua Pegawai Eksekutif MQA

3. Sebarang pertanyaan boleh dimajukan ke emel jk.apv@ciast.gov.my